

# RM14.1j laksana program kokurikulum

PUTRAJAYA 27 Nov. - Kementerian Pelajaran memperuntukkan RM14.1 juta bagi melaksanakan pelbagai program kokurikulum di lebih 10,000 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara tahun depan.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, selain itu, peruntukan tambahan RM420,000 turut disediakan untuk melatih guru dalam bidang berkenaan melalui program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).

Untuk latihan peningkatan kecekapan jurulatih Pusat Kurikulum Negeri pula, katanya, RM300,000 lagi diperuntukkan bagi memastikan tenaga pengajar pusat itu memenuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

"Akan ada peruntukan-peruntukan tambahan lain daripada Kementerian dan agensi

kerajaan misalnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk program kesenian serta kebudayaan di sekolah.

"Program kokurikulum melibatkan kerjasama dengan Kementerian tertentu telah bermula di sekolah, begitu juga program seperti Kadet Polis, Polis Diraja Malaysia (PDRM) boleh membantu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Pemantapan Pelaksanaan Kokurikulum Sekolah di sini, hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Hishammuddin berkata, 75 peratus daripada keseluruhan tujuh strategi yang dirangka untuk menangani isu pemantapan kokurikulum sekolah telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

Ia adalah selaras dengan arahan Kabinet pada 23 November tahun lalu supaya ke-

menterian merangka pelan tindakan dan pelbagai strategi sistematik bagi pemantapan kokurikulum sekolah.

Antara strategi yang digariskan ialah pemantapan dasar bagi penyertaan murid dan gu-

UM - 28/11/2006

ru, menambah latihan guru, pengukuhan struktur organisasi, penyediaan norma khas peruntukan kewangan serta menyediakan infrastruktur yang mencukupi.

Mengenai penilaian aktiviti kokurikulum sebagai syarat 10 peratus untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Hishammuddin berkata, perkara itu akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai tahun depan.

Bagaimanapun, beliau berkata, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi masih memerlukan beberapa kajian dan perbincangan sebelum ia boleh dilaksanakan.

"Saya akan umumkan nanti bagaimana bentuk pelaksanaan penilaian aktiviti kokurikulum termasuk bagaimana kita menilai markah jawatan seseorang murid dalam persatuan, penglibatan dalam sukan

dan sebagainya.

"Kita akan menyusun formula pengiraan markah dengan pendekatan tertentu dan bagi orang kurang upaya (OKU) misalnya mereka akan bersaing sesama sendiri dan jika kebolehan dalam kokurikulum mereka berbanding pelajar biasa lebih baik, akan ada markah bonus," tambah beliau.

Dalam pada itu, beliau berkata, bagi sekolah-sekolah luar bandar yang menghadapi masalah infrastruktur dan kemudahan untuk aktiviti kokurikulum, Kementerian mempunyai pendekatan tertentu untuk proses penilaian.

"Sekolah yang menghadapi masalah infrastruktur dan kemudahan kokurikulum boleh mengemukakan laporan kepada Kementerian dan pemantauan akan dibuat bagi memudahkan penilaian murid dilakukan," ujarnya.